

27 JUN 2002

Khalil-Mahathir

TARIKH DR MAHATHIR UNBUR BUKAN KOMPROMI JK PENGURUSAN, KATA KHALIL

IPOH, 27 Jun (Bernama) -- Hasrat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk berundur daripada semua jawatan selepas Oktober 2003 adalah keputusannya sendiri dan bukannya satu kompromi atau tolak ansur dengan Jawatankuasa Pengurusan Umno, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob.

Katanya jawatankuasa itu berjumpa dengan Perdana Menteri di Putrajaya pada Ahad lepas untuk mendengar versi beliau mengenai pengumumannya untuk meletak jawatan ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno ke-56 sehari sebelum itu.

"Kita pergi atas mandat yang diberi oleh MT untuk mendengar versi beliau...versi adalah perkataan penting di sini. Bukannya jawatankuasa ini berjumpa beliau untuk berunding, kita tak pun cadangkan (tarikh berundur)," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Khalil yang mengetuai delegasi ke mesyuarat Majlis Penerangan Kebangsaan, bermula di sini hari ini, sebelum itu mengunjungi Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali di pejabatnya.

Khalil berkata kekeliruan timbul kerana akhbar telah melaporkan bahawa kompromi atau tolak ansur telah dicapai semasa pertemuan di antara Dr Mahathir dengan jawatankuasa yang diketuai Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Utusan Malaysia pada laporan muka depannya Isnin lepas memetik Ketua Penerangan Umno Tan Sri Megat Junid Megat Ayub sebagai berkata MT akan mengumumkan "tolak ansur" yang dipersetujui dalam pertemuan itu.

Selepas mesyuarat MT dua hari lepas, Khalil telah membacakan kenyataan MT yang berkata mesyuarat khas itu telah menerima peletakan jawatan Dr Mahathir selepas Oktober 2003 manakala Abdullah akan mengambilalih daripada Dr Mahathir selepas Perdana Menteri mempengerusikan sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Khalil berkata semasa perjumpaan dengan jawatankuasa pengurusan parti itu, Dr Mahathir telah menceritakan bukan sahaja maksud dan ketegasan beliau untuk berundur tetapi juga menyampaikan mesej kepada MT tentang harapan dan perkara yang ingin dilihatnya.

"Sebahagian ini terkandung di dalam kenyataan yang dibuat Selasa lepas. Ini termasuklah hasrat beliau untuk mempengerusikan mesyuarat OIC selama berada dalam jangka masa peralihan dan juga memegang jawatan Menteri Kewangan," katanya.

Khalil berkata Dr Mahathir juga menceritakan latar belakang kenapa beliau membuat pengumuman itu dan jawatankuasa pengurusan menghormati setiap perkataan yang dinyatakan Perdana Menteri dan semua ini disampaikan kepada MT.

Ditanya sama ada Dr Mahathir berniat hendak mengumumkan tarikh peletakan jawatannya ketika perhimpunan Umno itu, Khalil berkata beliau tidak pasti.

Semasa bercakap mengenai persediaan Umno menghadapi pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit, Kedah, Khalil berkata Abdullah akan mengetuai jentera pemilihan parti.

MT pada mesyuarat dua hari lepas telah memutuskan Abdullah akan mempengerusikan jawatankuasa pilihan raya kecil kedua-dua kawasan itu, katanya.

Menteri Besar Kedah dan Pengerusi Barisan Nasional negeri, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain pula dilantik sebagai Pengarah Pilihan raya manakala Naib Presiden Tan Sri Muhammad Muhammad Taib akan menjadi kordinator antara

kedua-dua kawasan dengan ibu pejabat Umno.

"Menteri Besar akan menjalankan semua tugas operasi, termasuk yang berkaitan dengan akar umbi dan cawangan. Tiga susunan ini akan melicinkan jentera kita," katanya.

Pilihan raya kecil itu bakal diadakan berikutan kematian penyandanginya yang juga Presiden PAS Datuk Fadzil Noor Ahad lepas di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, Cheras Kuala Lumpur setelah menjalani pembedahan pintasan koronari di hospital itu pada 10 Jun lalu.

-- BERNAMA

AR RON